




**JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
KEMENTERIAN DIGITAL**

**PANDUAN PERMOHONAN PENGGANTIAN PERAKUAN
PENDAFTARAN PENGAWAL DATA
(GOLONGAN PENGAWAL DATA)
MELALUI
SISTEM PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (SPDP)**

Dikemas kini pada: 15 Julai 2025

PERMOHONAN PENGGANTIAN SIJIL PERAKUAN



1. Panduan Umum

- Permohonan penggantian hanya boleh dilakukan sekiranya sijil perakuan yang diterima hilang atau rosak melalui SPDP.
- Permohonan lengkap akan disemak oleh Pesuruhjaya PDP dalam tempoh 7 hari bekerja.
- Pemohon akan menerima emel pemakluman status permohonan melalui emel yang didaftarkan.
- Pemohon hendaklah membuat bayaran fi selepas menerima notis semakan melalui emel yang didaftarkan oleh pemohon dalam tempoh 14 hari.
- Jumlah fi adalah RM30.00 bagi sijil perakuan baharu dan bayaran adalah secara elektronik melalui SPDP.
- Perakuan Pendaftaran baharu dan resit rasmi boleh di muat turun oleh pemohon di SPDP selepas bayaran fi dilengkapkan.

2. Log Masuk Akaun

- Pemohon perlu melayari laman sesawang SPDP di <http://daftar.pdp.gov.my/>.
- Klik “Log Masuk SPDP” di penjuru kanan atas laman SPDP.
- Masukkan ID pengguna dan kata laluan. Seterusnya, Klik butang “Log Masuk”.




Rajah 2.1

- Sekiranya pemohon tidak mengetahui kata laluan, sila rujuk [Tetapan Semula Kata Laluan](#).

3. Permohonan Penggantian Sijil Perakuan Pendaftaran.

- Klik “Penggantian” yang terdapat di Senarai Perakuan Pendaftaran seperti di dalam rajah 3.1 di bawah.



Rajah 3.1

Permohonan Penggantian

Perhatian

Permohonan Penggantian Sijil Perakuan adalah permohonan untuk mendapatkan salinan penggantian sijil yang baharu. Setiap permohonan untuk penggantian sijil mesti dinyatakan sebab penggantian tersebut di bawah.

No Pendaftaran SPDP
SB12042014

Nama Syarikat

Nama Golongan Pengguna
Kesihatan

Tarikh Mula Berkuatkuasa

Tarikh Tamat Perakuan

Bilangan Salinan *

Masukkan bilangan salinan yang diperlukan

Sebab Penggantian *
Sila Pilih

Pilih sebab permohonan penggantian dibuat mengikut pilihan yang disediakan

Fail Dokumen PDF

PILIH FAIL

Muat naik dokumen-dokumen yang berkaitan

TUTUP

HANTAR

Rajah 3.2

- Masukkan bilangan penggantian sijil yang dikehendaki.
- Kemudian pilih sebab penggantian dilakukan mengikut pilihan yang disediakan.
- Pemohon perlu memuat naik salinan akuan berkanun atau dokumen berkaitan untuk melengkapkan proses permohonan ini.
- Setelah selesai, klik 'hantar'.